

24 OCT 2003

Abdullah-PM

BUKTIKAN TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR, KATA ABDULLAH

PULAU PINANG, 24 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menggesa rakyat Malaysia membuktikan terima kasih mereka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan berusaha mempertingkatkan lagi kemajuan negara menerusi semangat "yakin boleh".

Abdullah berkata Dr Mahathir merupakan pemimpin yang dinamik dan berwawasan serta jasa beliau yang paling berharga ialah menyedarkan rakyat bahawa mereka boleh membangunkan negara ini dan harus yakin boleh melakukannya.

"Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kita kepada Dr Mahathir, kita kena buktikan bahawa keyakinan yang diterapkan oleh beliau menjadi dorongan untuk kita memajukan negara ini, memastikan keselamatan dan kestabilan negara terus terpelihara," katanya ketika merasmikan Seminar Kepenggunaan bagi Penghulu dan Peggawa di sini hari ini.

Abdullah berkata semangat "yakin boleh" yang diterapkan oleh Dr Mahathir jelas membuat rakyat lebih bersemangat untuk memajukan negara ini berbanding 30 tahun yang lepas.

"Dulu kita terhad kerana kekurangan rakyat yang berilmu dan berusaha untuk membangunkan negara tetapi sekarang ramai rakyat telah berilmu dan pelbagai kemudahan prasarana telah disediakan oleh kerajaan bagi membangunkan negara,"katanya.

Abdullah berkata Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Dr Mahathir juga akan terus menjadi wawasan negara dan rakyat harus berusaha untuk meneruskan dasar dan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Beliau juga meminta para penghulu dan penggawa di negara ini mempertingkatkan lagi peranan mereka sebagai mata dan telinga kerajaan untuk memastikan dasar-dasar yang dirancang oleh kerajaan dapat dilaksanakan diperingkat bawahan.

Abdullah berkata penghulu merupakan pemimpin peringkat bawahan dan kedudukan mereka penting kepada kerajaan sebagai pelaksana dasar kerajaan.

"Oleh itu, melantik Penghulu dan Peggawa sebagai anggota penguatkuasa undang-undang mengikut Akta Hal Ehwal Pengguna merupakan penghormatan dan pengiktirafan kerajaan kepada Penghulu," katanya.

Pada majlis yang dihadiri lebih 300 penghulu dari seluruh negara, Abdullah turut menyampaikan kad kuasa penguatkuasa undang-undang Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna kepada para penghulu berkenaan.

-- BERNAMA

AZE LAT